

30/06/2002

Ahli Umno sudah faham hasrat PM: Muhyiddin

MUAR: Ahli Umno seluruh negara kini mula memahami hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengundurkan diri menerusi proses peralihan kuasa.

Pemahaman itu adalah hasil usaha Badan Perhubungan Umno Negeri melaksanakan program penerangan mengenai latar belakang keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno berhubung isu itu.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata berdasarkan kenyataan yang dibuat MT, keutamaan perlu diberikan kepada kepentingan parti dan penerangan hendaklah dibuat dengan teliti.

"Tidak perlu tokok tambah, kerana ahli parti umumnya sudah memahami dan menyedari kenapa keputusan itu dicapai, apatah lagi, Timbalan Presiden Umno (Datuk Seri Dr Abdullah Ahmad Badawi) sudah buat penjelasan selepas mengadakan pertemuan dengan MT dan Barisan Nasional (BN).

"Semua peringkat pimpinan memberi sokongan tidak berbelah bagi. Kita mesti sedar dan faham sehingga tarikh yang dijadualkan itu, Dr Mahathir masih lagi menjadi Presiden Umno dan Perdana Menteri.

"Kita juga mesti memberi sokongan dan memastikan supaya segala perkara yang perlu diberikan perhatian seperti pembangunan, kestabilan politik dan perpaduan diberikan tumpuan sepenuhnya.

"Seharusnya, semua pihak bekerja seperti biasa, kerana kita yakin dan percaya dengan komitmen semua menerusi keputusan yang dicapai, ianya berada dalam perspektif yang betul dalam mengisi agenda pembangunan negara," katanya.

Beliau memberitahu pemberita selepas merasmikan Kelas Literasi Komputer Kemas Parlimen Pagoh di sini, semalam. Turut hadir Ketua Penyelia Kemas Johor, Kamaludin Mustafa.

Muhyiddin berkata, semua penjelasan yang dibuat oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung isu peralihan kuasa kepada rakyat sebelum ini adalah hasrat Dr Mahathir.

"Soal sama ada Dr Mahathir akan buat kenyataan sendiri kepada rakyat, itu kita serahkan kepada beliau sendiri. Apapun mesej yang mahu disampainya kepada rakyat, sudah dilakukan oleh MT

"Selepas penjelasan berkenaan, penerimaan

Ahli umno cukup baik. Memang kita mahu Dr Mahathir meneruskan perkhidmatan tetapi pengumuman di perhimpunan itu buat semua orang terkejut. Kita cuba membawa hasrat semua rakyat kepada Perdana Menteri.

"Saya percaya, apa yang penting adalah amanah Presiden Umno supaya usaha mengukuhkan parti dan ahli yang kita sudah lihat pencapaiannya kini mesti diteruskan," katanya.

Beliau berkata, semua pimpinan Umno juga tidak perlu membuat perancangan yang tidak sehaluan dengan matlamat pimpinan parti dari segi mengekalkan kekuatan dan perpaduan parti dan kerajaan.

"Semua pimpinan umno faham dan kenyataan terbuka yang dibuat oleh semua peringkat tertinggi mahu perpaduan dikekalkan. Kita tidak mahu selepas peralihan kuasa, keadaan dalam parti tidak stabil.

"Kita tidak mahu Presiden rasa terguris, rasa kecewa, seolah-olah bila ada pelan ini (peralihan kuasa), wujudkan suasana yang tidak baik. Di peringkat MT, kami bulat dan berikrar supaya perpaduan dalam parti tidak terjejas, malah diperkukuhkan lagi," katanya.

(END)